



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KATA BILANGAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA THAI DARI SUDUT
ANALISIS KONTRASTIF DAN KESILAPAN***

MOHAMED RAMDHAN BIN MOHAMED RAZAK

FBMK 2015 97



**KATA BILANGAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA THAI DARI SUDUT
ANALISIS KONTRASTIF DAN KESILAPAN**

Oleh

MOHAMED RAMDHAN BIN MOHAMED RAZAK

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Januari 2015

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Syukur Alhamdulillah di atas nikmat Kurniaan-Nya masih lagi saya berada di sini
Bagi menyempurnakan tesis Master ini

Kepada kedua ibu bapa tersayang
Ayahanda Mohamed Razak Bin Daud
Bonda Zainab Binti Ab. Rahman
Segala jasa pengorbanan mu tidak terhitung bilangannya akan ku kenang hingga akhir
hayat
Dan ku balas segala kudrat penat lelah mu
Dalam mendidik dan membesarkan ku.

Adik beradik darah daging ku
Zaihasra (Along), Zushila (Angah), Idham (Uda), Hairi (Acik), dan ikram (Su)
Dorongan, nasihat, kata-kata semangat yang selalu mengingatkan ku
Memberikan ku kekuatan untuk menempuh segala onak dan cabaran.

Kepada penyelia tesis ku
Dr Norizan Che Su
Segala tunjuk ajar, nasihat dan cadangan amat ku hargai
Sanggup menahan sabar dalam mematangkan ku
akan ku jadikan teladan di masa hadapan
Tanpa mu tesis ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna
Terima kasih yang tak terhingga diutuskan kepada Dr Norizan Che Su

Penyelia-penyelia ku yang dihormati
Dr Nik Farhan dan Prof Madya Dr Normahdiah
Segala tunjuk ajar, penat lelah dan ilmu yang dicurahkan ke padaku
Akan ku simpan dan akan ku gunakan demi kebaikan
Untuk memberi manfaat kepada semua.

Teman-teman sekalian yang ku kasihi
Amir rullah Mohd Noor,
Suhadan Anwar
Mazlan Abu Bakar dan yang teristimewa
Noor Shakila Aida Sulaiman
Segala jasa, pengorbanan, ilmu, dan segala kebaikan
Yang kalian berikan tidak dapat ku balas dengan kata-kata dan wang ringgit
Hanya doa sahaja menjadi harapan ku untuk membalasnya.

Terima kasih kepada semua
Yang ada terlibat secara langsung ataupun tidak
Memberi saya kekuatan untuk menyiapkan projek ilmiah ini
Syukur Alhamdulillah
Kalian adalah insan istimewa dalam hidup ku.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

KATA BILANGAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA THAI DARI SUDUT ANALISIS KONTRASTIF DAN KESILAPAN

Oleh

MOHAMED RAMDHAN BIN MOHAMED RAZAK

Januari 2015

Pengerusi : Norizan Che Su, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penggunaan kata bilangan adalah meluas dalam kalangan masyarakat di dunia ini, tidak kira pada zaman dahulu atau kini. Setiap bahasa di dunia ini mempunyai kata bilangannya yang berbeza. Sebagai contoh bahasa Melayu mempunyai perbezaan dengan Bahasa Thai kerana bahasa Melayu berasal daripada rumpun Melayu-Polinesia manakala bahasa Thai berasal dari rumpun Sino-Tibet. Perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa ini akan menjejaskan proses pembelajaran bahasa Thai sebagai bahasa asing di Malaysia. Pelajar sering melakukan kesalahan dan kesilapan dalam aktiviti lisan dan tulisan dalam menghasilkan kata bilangan dan penggunaannya dengan betul. Justeru, objektif kajian ini adalah mengenal pasti persamaan dan perbezaan pembentukan kata bilangan bahasa Melayu dengan bahasa Thai, mengenal pasti jenis kesilapan pembentukan kata bilangan oleh pelajar yang mempelajari bahasa Thai sebagai bahasa Asing di Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti Kebangsaan Malaysia dan menentukan punca kesilapan dalam pembentukan kata bilangan dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Thai di Universiti Putra Malaysia Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Untuk mencapai objektif kajian ini, penyelidik menggunakan teori analisis kontrastif dan analisis kesilapan. Sampel kajian adalah terdiri daripada 20 orang pelajar UPM, 27 orang pelajar UMK dan 16 orang pelajar UKM yang mempelajari bahasa Thai pada tahap satu hingga tahap tiga di tiga Institusi yang dipilih. Hasil dapatan mendapati terdapat persamaan dan perbezaan dalam pembentukan kata bilangan bahasa Melayu dan bahasa Thai. Perbezaan yang terdapat dalam kata bilangan ini telah menyebabkan para pelajar keliru dalam menghasilkan kata bilangan yang betul dan telah menyumbangkan kepada kesilapan seperti kesilapan dalam pemilihan perkataan, kesilapan dalam pengguguran perkataan, kesilapan dalam penambahan perkataan dan kesilapan dalam penyusunan perkataan. Berdasarkan kesilapan yang telah dilakukan oleh para pelajar, pengkaji dapat menentukan punca yang menyebabkan kesilapan tersebut berlaku. Kajian ini dijangka dapat menyumbang input berhubung pembentukan kata bilangan kepada para pelajar, dan seterusnya dapat membantu mereka untuk meningkatkan lagi penguasaan dalam pembentukan kata bilangan serta mampu bersaing di arus global ini

Abstract of thesis presented to the Senat of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

MALAY LANGUAGE AND THAI LANGUAGE NUMERAL FROM THE VIEW OF CONTRASTIVE ANALYSIS AND ERROR ANALYSIS

By

MOHAMED RAMDHAN BIN MOHAMED RAZAK

January 2015

Chairman : Norizan Che Su, PhD
Faculty : Modern Languages And Communication

The usage of numeral has been widely used among the society in this world since the early age up to now. Every language in this world has its own numeral that differs to one another. For example, Malay Language differs from Thai Language because Malay Language was originated from Malay-Polinesia while Thai Language was originated from Sino-Tibet. The differences between these two language affects the process of learning Thai Language as a second language in Malaysia. Students often commit mistakes in verbal activities and writing throughout the process of using the numeral correctly and students often made mistake of the proper usage of numeral. Hence, the objective of this research is to identify the similarities and the differences of numeral in Malay Language and Thai Language, elaborate the types of mistakes often done by students who learns Thai Language as second language in Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, and Universiti Kebangsaan Malaysia and to explain why students made mistakes in using numeral in Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, and Universiti Kebangsaan Malaysia. In order to achieve the objective of this research, researcher applied the contrastive analysis theory and error analysis. The sample of the research includes 20 Universiti Putra Malaysia students, 27 Universiti Malaysia Kelantan students, and 16 Universiti Kebangsaan Malaysia students which is learning Thai Language from level one to level three consecutively in three chosen institutions. The research method that has been used is literature study and field studies and the data will be analyzed through quantitative and qualitative. The result shows that there are similarities and differences in Malay Language and Thai Language numeral. The differences is one of the major factor that caused the students to commit mistake and 58 percent of students commit mistake due to the difference of numeral in Thai Language. Next, another factor that contributes students to make mistake is the influence of mother tongue. Researchers will suggest a few methods and suggestion to improve the teaching and learning process of Thai Language in Malaysi

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. serta keluarga dan sahabat baginda.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaan-Nya. Dapat juga saya menyiapkan tugas yang diberikan bagi memenuhi syarat Master Sastera (Linguistik Bandingan Terapan). Sekalung penghargaan kepada Dr Norizan Che Su selaku penyelia tesis yang tidak jemu untuk memberi tunjuk ajar dan rujukan bagi memudahkan dan memberi jalan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang berkaitan dan jutaan terima kasih juga kepada Dr Nik Farhan Mustapha dan Prof Madya Normahdiah Sheikh Said selaku ahli jawatankuasa yang banyak memberi idea-idea yang berguna dalam menyiapkan tesis ini. Segala pengalaman dan ilmu yang kalian miliki dapat dikongsi oleh saya khususnya dan orang lain amnya.

Seterusnya diucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi dorongan dan nasihat dalam menyiapkan tesis ini. Jasa kalian akan ku semat di memori indah sebagai kenang-kenangan.

Tidak lupa juga kepada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Wisata Minda Sanggar Bahasa (FBMK), Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan tempat-tempat berkaitan yang telah menyediakan kemudahan dan memberi kerjasama dalam menyediakan bahan rujukan.

Penghargaan teristimewa ditujukan kepada kedua-dua ibu bapa saya, Mohamed Razak Haji Daud dan Zainab Abdul Rahman yang sentiasa menjadi sumber inspirasi untuk menjadikan seorang sarjana dalam dunia akademik. Moga apa-apa kebaikan dan pahala sepanjang tesis ini disiapkan dapat dikongsi juga bersama-sama adik-beradik ku Along, Angah, Uda, Chik dan Su.

Akhir kata segala kebaikan datang daripada Allah, segala kelemahan datang daripada saya sendiri.

MOHAMED RAMDHAN BIN MOHAMED RAZAK
No 4 Depan Masjid Kenor
18000 Kuala Krai
Kelantan.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 19 Januari 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohamed Ramdhan bin Mohamed Razak untuk menilai tesis beliau yang bertajuk “Kata Bilangan Bahasa Melayu dan Bahasa Thai Dari Sudut Analisis Kontrastif Dan Kesilapan” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U. (A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Supyan bin Hussin, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Bahasa dan Linguistik

Universiti Kebangsaan Malaysia

(Pemeriksa Luar)

(Prof. Madya Dr. Noritah Omar)

Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Norizan Che Su, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Farhan Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Normahdiah Sheikh Said, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama

Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Norizan Che Su

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Nik Farhan Mustapha

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof Madya, Dr. Normahdiah Sheikh Said

SENARAI KANDUNGAN

ABSTRAK	Muka Surat
ABSTRACT	i
PENGHARGAAN	ii
PENGESAHAN	ii
PERAKUAN	iv
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
	xiii

BAB

1	PENGENALAN	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Penyataan Masalah	5
	1.3 Persoalan Kajian	5
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Kepentingan Kajian	6
	1.6 Batasan Kajian	7
	1.7 Definisi Operasional	7
	1.7.1 Kata Bilangan	7
	1.7.2 Analisis Kontrastif	7
	1.7.3 Analisis Kesilapan	8
	1.7.4 Bahasa Pertama	8
	1.7.5 Bahasa Asing	8
	1.8 Kesimpulan	8
 2	 SOROTAN LITERATUR	
	2.1 Pengenalan	9
	2.2 Perbincangan Teori Analisis Kontrastif	9
	2.2.2 Perkembangan Analisis Kontrastif	10
	2.2.3 Hipotesis Analisis Kontrastif	12
	2.2.3.1 Hipotesis Versi Kuat	12
	2.2.3.2 Hipotesis Versi Lemah	13
	2.2.4 Kritikan Terhadap Analisis Kontrastif	14
	2.2.5 Analisis Kesilapan Pelengkap Kepada Analisis Kontrastif	15
	2.3 Perbincangan Teori Analisis Kesilapan	16
	2.3.1 Perkembangan Analisis Kesilapan	17
	2.3.2 Pengkelasan Jenis Kesilapan	19
	2.3.3 Punca-Punca Kesilapan	21
	2.4 Kajian Umum Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan bahasa Asing	22
	2.4.1 Kajian Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan Kata Bilangan	24
	2.4.2 Kajian Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan bahasa Thai	25

2.5	Kesimpulan	29
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	30
3.2	Reka Bentuk Kajian	30
3.2.1	Kerangka Teori	30
3.2.2	Kerangka Konsep Kajian	33
3.2.3	Tempat Kajian	34
3.2.4	Populasi dan Pensampelan	34
3.2.5	Kaedah Kajian	35
3.3	Pendekatan Kajian	35
3.4	Alat Kajian	35
3.5	Dapatan Kajian	36
3.5.1	Tatacara Kajian	36
3.5.2	Tatacara Penganalisisan Data	38
3.6	Kesimpulan	39
4	ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	40
4.2	Dapatan Kajian	40
4.2.1	Objektif 1: Mengenal Pasti Persamaan Dan Perbezaan Kata Bilangan Bahasa Melayu Dan Bahasa Thai	40
4.2.1.1	Persamaan Kata Bilangan Sa	41
4.2.1.2	Persamaan Kata Bilangan Ratus	42
4.2.1.3	Persamaan Kata Bilangan Ribu	43
4.2.1.4	Persamaan Kata Bilangan Juta	44
4.2.1.5	Perbezaan Kata Bilangan Belas	45
4.2.1.6	Perbezaan Kata Bilangan Puluh	47
4.2.1.7	Perbezaan Kata Bilangan Puluh Ribu	49
4.2.1.8	Perbezaan Kata Bilangan Ratus Ribu	50
4.2.1.9	Perbezaan Pembentukan Kata Bilangan Ordinal	52
4.2.1.10	Perbezaan Kata Bilangan Dalam Kata Nama Waktu	53
4.2.1.11	Rumusan	62
4.2.2	Objektif 12: Menghuraikan jenis kesilapan d kata bilangan oleh pelajar yang mempelajari bahasa Thai	62
4.2.2.1	Kesilapan dalam pemilihan perkataan	63
4.2.2.2	Kesilapan dalam penambahan perkataan	79
4.2.2.3	Kesilapan dalam pengguguran atau penghilangan perkataan	86
4.2.2.4	Kesilapan dalam penyusunan perkataan	92
4.2.2.5	Rumusan	96
4.2.3	Objektif 3: Menjelaskan punca kesilapan kata bilangan dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa	99
4.2.3.1	Gangguan Bahasa Ibunda	99
4.2.3.2	Pengaplikasian Peraturan Pembentukan Kata Secara Tidak Sempurna	101

4.2.3.3	Keterbatasan Kosa Kata	103
4.2.3.4	Strategi Pembelajaran	105
4.2.3.5	Rumusan	108
4.2.3.6	Kesimpulan	109
4.2.3.7	Rasional Teori Dengan Dapatan Kajian	109
4.2.3.8	Implikasi Dapatan Kajian	110
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	111
5.2	Rumusan	111
5.3	Cadangan Kajian	112
5.3.1	Cadangan Terhadap Bidang Pengajaran dan Pembelajaran	112
5.3.2	Cadangan Kepada Kajian Lanjutan	113
5.4	Kesimpulan	113
	BIBLIOGRAFI	115
	LAMPIRAN	120
	BIODATA PELAJAR	122
	SENARAI PENERBITAN	123

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.1	Kata Kardinal Bahasa Melayu	3
1.2	Kata Ordinal Bahasa Melayu	3
1.3	Kata Kardinal Bahasa Thai	4
1.4	Kata Ordinal Bahasa Thai	4
3.1	Kerangka Konsep Surface Strategy Taxonomy (1982)	32
4.1	Nombor Sa	41
4.2	Nombor Ratus	42
4.3	Nombor Ribu	43
4.4	Nombor Juta	44
4.5	Nombor Belas	45
4.6	Nombor Puluh	47
4.7	Nombor Puluh Ribu	49
4.8	Nombor Ratus Ribu	50
4.9	Nombor Ordinal	52
4.10	Kata Bilangan Dalam Kata Nama Waktu (masa)	53
4.11	Kata Bilangan Dalam Kata Nama Waktu (pagi)	55
4.12	Kata Bilangan Dalam Kata Nama Waktu (petang)	57
4.13	Kata Bilangan Dalam Kata Nama Waktu (malam)	60
4.14	Kata Bilangan Dalam Kata Nama Waktu (Tengah Hari dan Tengah Malam)	61

Rajah**Muka Surat**

3.1	Kerangka Teori	30
3.2	Kerangka Konsep Kajian	33
4.1	Jenis dan Peratusan Kesilapan Pemilihan Perkataan	78
4.2	Jenis dan Peratusan Kesilapan Penambahan Perkataan	85
4.3	Jenis dan Peratusan Kesilapan Pengguguran Perkataan	91
4.4	Jenis dan Peratusan Kesilapan Penyusunan Perkataan	96
4.5	Jenis dan peratusan Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar UPM	97
4.6	Jenis dan peratusan Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar UKM	97
4.7	Jenis dan peratusan Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar UMK	98
4.8	Jenis dan peratusan Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar IPT	98

SENARAI SINGKATAN

S	Soalan
TR	Tulisan Roman
BT	Bahasa Thai
TBM	Terjemahan Bahasa Melayu
BMS	Bahasa Melayu Standard



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Penggunaan kata bilangan merupakan sesuatu perkara yang amat penting dalam sesebuah masyarakat. Hal ini disebabkan kata bilangan digunakan dalam semua bidang seperti bidang politik, bidang sosial dan juga bidang ekonomi.

Kata bilangan menurut Asmah Hj. Omar (2009:98) ialah satu daripada subgolongan kata benda dan dapat berfungsi (dengan atau tanpa kata nama) pada subjek atau objek dalam ayat dalam bahasa Melayu dan telah membahagikan kata bilangan kepada dua iaitu kata kardinal dan kata ordinal.

Menurut Hashim Haji Musa (1993:339) pula kata bilangan ialah sejumlah perkataan yang boleh menduduki unsur bilangan dalam konstituen penentu manakala Nik Safiah Karim et (2008:287) mengatakan kata bilangan ialah sejumlah perkataan yang menjadi penerang jumlah pada frasa nama dan hadir sebelum frasa tersebut. Definisi ini dipersetujui oleh Abdullah Hassan (1993:234) dengan mengatakan kata bilangan berfungsi untuk menerangkan jumlah kata nama dan membahagikan kata bilangan kepada enam jenis iaitu kata bilangan tentu, tak tentu, himpunan, pisahan, pecahan dan tingkat.

Setiap bahasa di dunia ini, mempunyai kata bilangannya yang berbeza-beza. Sebagai contoh bahasa Thai yang mempunyai kata bilangan yang berbeza dengan kata bilangan bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana kedua-dua bahasa ini berasal dari filum yang berlainan. Istilah filum merujuk kepada kelompok bahasa yang lama waktunya 5000 tahun atau lebih (Asmah Haji Omar, 1988:35). Bahasa Thai merupakan bahasa yang berasal dari rumpun Sino-Sibe manakala bahasa Melayu tergolong dalam rumpun Austronesia atau Melayu-Polinesia (Paitoon M. Chaiyanara, 2005). Setiap perbezaan yang berlaku dalam sesuatu bahasa dapat diteliti dalam pelbagai bidang seperti bidang morfologi. Salah satu proses morfologi yang semakin luas diguna pakai ialah proses pembentukan kata (Harishon Radzi, 2007).

Menurut Asmah Hj. Omar (2009:25), pembentukan kata ialah cara kata-kata dibentuk, atau proses yang dilalui oleh sesuatu kata dalam pewujudannya. Pendapat Asmah Hj. Omar ini diperkukuhkan lagi dengan pendapat Amat Juhari Moain (1985:18) yang mentakrifkan pembentukan kata sebagai satu proses tentang cara bagaimana sesuatu kata itu dicipta, dibentuk atau diwujudkan dalam sesuatu bahasa.

Asmah Hj. Omar (1985:46) juga turut berpendapat bahawa perbandingan antara bahasa sebaik-baiknya merupakan perbandingan semua sistem dan struktur dalam bahasa-bahasa yang berkenaan. Ini akan memberikan kepada kita gambaran terperinci sekali berhubung dengan perkaitan antara bahasa-bahasa tersebut. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini pengkaji hanya akan memberi tumpuan terhadap persamaan dan perbezaan kata bilangan bahasa Melayu dan bahasa Thai dan seterusnya menghuraikan jenis kesilapan serta menjelaskan punca kepada kesilapan pelajar dalam mempelajari bahasa Thai sebagai bahasa Asing di Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaysia Kelantan. Untuk mencapai objektif kajian ini, pendekatan analisis kontrastif dan analisis kesilapan akan digunakan dalam kajian ini.

1.1.1 Kata Bilangan Bahasa Melayu

Menurut Asmah Hj. Omar (2009:98), kata bilangan ialah satu daripada subgolongan kata benda dan dapat berfungsi (dengan atau tanpa kata nama) pada subjek atau ayat dalam bahasa Melayu. Misalnya:

- I. Dua (orang) tidak datang.
- II. Saya bayar tiga (ringgit); dia bayar dua (ringgit).

Perbezaan antara kata bilangan dan kata nama ialah kata bilangan ada termaktub di dalamnya ciri jumlah, sedangkan kata nama tidak. Kata bilangan boleh dibahagikan kepada dua subgolongan utama, iaitu kata bilangan kardinal dan kata bilangan ordinal.

1.1.1.1 Kata Bilangan Kardinal Bahasa Melayu

Menurut Asmah Hj. Omar (2009:98), kata bilangan kardinal ialah kata bilangan yang menyatakan jumlah secara keseluruhan, bukan urutan, dan pada amnya berdiri sendiri dalam ayat tanpa bantuan daripada kata lain. Contohnya adalah seperti ayat (I) dan (II) yang dihuraikan di atas tadi.

Kata kardinal boleh dibahagikan kepada kata nombor dan kata kuantiti. Perbezaan yang nyata antara dua subgolongan ini ialah kata nombor boleh merupakan dasar untuk pembentukan kata ordinal, sedangkan kata kuantiti tidak. Kata kardinal bahasa Melayu dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 1.1: Kata Kardinal Bahasa Melayu

Nombor	Bacaan
0	sifar
1	satu
10	sepuluh
100	seratus
1,000	seribu
10,000	sepuluh ribu
100,000	seratus ribu
1,000,000	sejuta

1.1.1.2 Kata Bilangan Ordinal Bahasa Melayu

Kata ordinal adalah kata nombor yang tidak menunjukkan jumlah dalam erti kata yang sebenarnya, tetapi melambangkan urutan dalam jumlah (Asmah Hj. Omar, 2009:101). Kata ordinal bahasa Melayu dapat dilihat pada berikut:

Jadual 1.2: Kata Ordinal Bahasa Melayu

Nombor	Bacaan
1	pertama
10	kesepuluh
100	kseratus
1,000	kseribu
10,000	kesepuluh ribu
100,000	kseratus ribu
1,000,000	ksejuta

1.1.2 Kata Bilangan Bahasa Thai

Sebagaimana dengan bahasa Melayu, bahasa Thai juga mempunyai kata bilangannya yang tersendiri iaitu kata bilangan kardinal dan kata bilangan ordinal. Kata bilangan bahasa Thai dapat dilihat pada contoh berikut:

1.1.2.1 Kata Bilangan Kardinal Bahasa Thai.

Bahasa Thai juga mempunyai kata bilangan kardinalnya yang tersendiri. Kata Kardinal bahasa Thai dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 1.3: Kata Kardinal Bahasa Thai.

Nombor	Bacaan	Roman
๐	ศูนย์	sǔ:n
๑	หนึ่ง	nèng
๑๐	สิบ	sìp
๑๐๐	หนึ่งร้อย	nèng rǒ:y
๑,๐๐๐	หนึ่งพัน	nèng phan
๑๐,๐๐๐	หนึ่งหมื่น	nèng mǜ:n
๑๐๐,๐๐๐	หนึ่งแสน	nèng sǎ:n
๑,๐๐๐,๐๐๐	หนึ่งล้าน	nèng lá:n

1.1.2.2 Kata Ordinal Bahasa Thai.

Bahasa Thai juga mempunyai kata ordinal seperti mana bahasa Melayu. Kata Ordinal bahasa Thai dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 1.4: Kata Ordinal Bahasa Thai.

Nombor	Bacaan	Roman
๑	ที่หนึ่ง	thí: nèng
๑๐	ที่สิบ	thí: sìp
๑๐๐	ที่หนึ่งร้อย	thí: nèng rǒ:y
๑,๐๐๐	ที่หนึ่งพัน	thí: nèng phan
๑๐,๐๐๐	ที่หนึ่งหมื่น	thí: nèng mǜ:n
๑๐๐,๐๐๐	ที่หนึ่งแสน	thí: nèng sǎ:n
๑,๐๐๐,๐๐๐	ที่หนึ่งล้าน	thí: nèng lá:n

1.2 Penyataan Masalah

Dari sudut geografi, negara Malaysia merupakan jiran kepada negara Thai. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang ketara di antara kedua-dua negara ini. Namun, keadaan ini berbeza dengan negara jiran negara Thai yang lain. Contohnya negara-negara jiran seperti Laos, Burma atau Cambodia mempunyai teras budaya yang hampir sama dengan negara Thai iaitu agama Budha (Hara Shintaro, 1998). Begitu juga dengan negara-negara jiran Malaysia seperti Indonesia, Singapura dan Brunei yang mempunyai persamaan dengan negara Malaysia dari segi aspek bahasa dan budaya. Perbezaan kedua-dua negara ini adalah kerana kedua-dua negara ini berasal daripada rumpun yang berbeza. Negara Malaysia berasal daripada rumpun Austronesia atau Melayu-Polinesia manakala negara Thai merupakan bahasa yang berasal dari rumpun Sino-Sibe (Paitoon M. Chaianara, 2005).

Dalam konteks pembelajaran kata bilangan bahasa Thai di Universiti Putra Malaysia (UPM), berdasarkan pengalaman pengkaji, didapati para pelajar tidak dapat menguasai kata bilangan bahasa Thai dengan baik. Perkara ini juga telah dijelaskan oleh kajian lepas yang mendapati tahap penguasaan bahasa Thai dalam kalangan pelajar kurang memberangsangkan (Norizan Che Su & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2007) meskipun mereka telah mempelajari bahasa Thai selama tiga tahap. Dalam konteks pembelajaran kata bilangan bahasa Jepun pula didapati para pelajar kerap membilang mengikut cara bahasa ibunda mereka. Hal ini juga disebabkan terdapat beberapa perbezaan di antara sistem bahasa Jepun dan bahasa Melayu (Aini, 2001)

Sehubungan itu, pengkaji berpandangan bahawa para pelajar yang mempelajari bahasa asing sering terganggu dengan pengaruh bahasa ibunda mereka. Hal ini demikian kerana mereka seringkali menghasilkan perkataan bahasa asing dengan memindahkan struktur bahasa ibunda mereka kepada bahasa sasaran sekiranya mereka tidak mengingat proses pembentukan perkataan bahasa tersebut (Lado, 1957)

Justeru, pengkaji ingin melihat sejauh manakah perbezaan rumpun bahasa mempengaruhi persamaan dan perbezaan kata bilangan bahasa Melayu dan bahasa Thai dan apakah jenis kesilapan para pelajar dalam menghasilkan kata bilangan kedua-dua bahasa tersebut

1.3 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan yang timbul dari aspek persamaan dan perbezaan kata bilangan antara bahasa Melayu dan bahasa Thai yang menjadi punca kesilapan dalam proses pembelajaran bahasa Thai. Antara persoalan timbul adalah :

1. Sejauh manakah persamaan dan perbezaan dalam kata bilangan bahasa Melayu dan bahasa Thai.

2. Apakah jenis kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar yang mempelajari bahasa Thai dalam menghasilkan kata bilangan bahasa Thai.
3. Apakah jenis punca berlakunya kesilapan di kata bilangan bahasa Thai oleh para pelajar yang mempelajari bahasa Thai sebagai bahasa Asing di Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaysia Kelantan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dibentuk berdasarkan beberapa persoalan yang timbul dari aspek persamaan dan perbezaan kata bilangan bahasa Thai dan bahasa Melayu yang menjadi punca kesilapan dalam proses pembelajaran bahasa Thai. Antara objektif kajian ini adalah :

1. Menenal pasti persamaan dan perbezaan kata bilangan bahasa Melayu dengan bahasa Thai .
2. Menghuraikan jenis kesilapan kata bilangan oleh pelajar yang mempelajari bahasa Thai di Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaysia Kelantan.
3. Menjelaskan punca kesilapan kata bilangan dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Thai di Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaysia Kelantan.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian kontrastif dan kesilapan kata bilangan bahasa Melayu dan bahasa Thai ini sangat penting untuk dilakukan kerana dapat menambah kajian ilmiah berkaitan dengan kata bilangan yang sebelum ini kurang dilakukan oleh pengkaji yang lepas. Dengan mengadakan kajian seperti ini dapat membantu para pelajar khususnya pelajar yang mengikuti kursus bahasa Thai sebagai bahasa asing menggunakan kata bilangan bahasa Thai dengan lebih baik. Kajian ini dapat memberi maklumat berguna kepada para pelajar dan mampu mengetahui punca kesilapan mereka dan seterusnya membetulkan kesilapan tersebut di samping memberi motivasi dan keyakinan yang tinggi untuk menggunakan bahasa Thai khususnya aspek kata bilangan dalam aktiviti harian mereka bagi menghadapi cabaran global yang pesat berkembang.

Di samping itu, kajian ini dapat membantu para pengajar bahasa Thai yang mengajar bahasa Thai sebagai bahasa Asing di Universiti mahupun di institusi swasta dan sekolah untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan kata bilangan bahasa Thai dan bahasa Melayu di dalam proses pengajaran mereka. Berdasarkan hasil perbandingan yang diperolehi, mereka dapat meneliti masalah yang dihadapi oleh pelajar dan dapat mengatasi masalah tersebut dengan melakukan teknik pengajaran yang sesuai agar penyampaian maklumat tersebut mudah difahami dan diingati oleh pelajar.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini merupakan suatu kajian tentang perbandingan kata bilangan bahasa Melayu dan bahasa Thai. Perbandingan kedua-dua bahasa ini akan memperlihatkan aspek persamaan dan perbezaan kata bilangan Melayu dan bahasa Thai yang sering menimbulkan masalah kepada para pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Thai sebagai bahasa asing dan sekali gus menjadi punca kesilapan kata bilangan bahasa Thai dalam kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaysia Kelantan.

Kajian ini akan membataskan kepada kata bilangan dalam aktiviti seharian pelajar. Kata bilangan yang dimaksudkan adalah kata bilangan kardinal, ordinal serta kata bilangan dalam kata nama waktu kedua-dua bahasa ini. Para pelajar akan diberi soalan berbentuk subjektif agar tahap penguasaan tentang kata bilangan dapat dikesan dan mencapai objektif kajian ini. Jenis soalan yang diberi adalah berdasarkan tahap pembelajaran para pelajar di mana para pelajar di pecahkan kepada dua kumpulan iaitu pelajar tahap dua dan tiga.

Kajian ini akan dijalankan di Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaysia Kelantan. Ketiga-tiga universiti ini merupakan universiti yang menawarkan kursus bahasa Thai sebagai bahasa asing kepada para pelajar dan sekali gus menepati ciri pensampelan yang diperlukan dalam kajian ini.

1.7 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, beberapa istilah dan perkataan yang penting perlu diberikan definisinya untuk memudahkan pemahaman pembaca dalam memahami kajian yang dijalankan.

1.7.1 Kata Bilangan

Kata bilangan merupakan perkataan yang digunakan untuk menyatakan jumlah atau kuantiti sesuatu benda yang terdiri daripada kata bilangan kardinal, ordinal dan juga jam.

1.7.2 Analisis Kontrastif

Analisis kontrastif merupakan kaedah sinkronik analisis linguistik yang menunjukkan perbezaan dan persamaan antara dua bahasa atau lebih, atau antara dua dialek atau lebih, dengan tujuan untuk mencari prinsip yang dapat menyelesaikan masalah pengajaran bahasa dan penterjemahan. Perbandingan ini bukan bertujuan untuk melihat kelebihan sesuatu bahasa itu tetapi untuk menyelesaikan masalah pembelajaran dan pengajaran bahasa yang dipelajari itu.

1.7.3 Analisis Kesilapan

Satu kaedah atau teknik yang digunakan untuk mengukur kemajuan pembelajaran bahasa dengan mencatat dan mengklasifikasikan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar yang mempelajari bahasa Thai sebagai bahasa Asing di Institusi Pengajian Tinggi Awam.

1.7.4 Bahasa Pertama

Bahasa pertama ialah bahasa Melayu. Ia merupakan bahasa yang diperoleh atau bahasa pertama yang dipelajari secara tidak formal sejak kecil lagi. Bahasa ibunda juga disebut sebagai bahasa pertama bagi bahasa pertuturan yang digunakan oleh seseorang penutur.

1.7.5 Bahasa Asing

Bahasa asing ialah bahasa yang dipelajari secara formal atau tidak formal selain bahasa ibunda atau bahasa pertama seorang penutur itu. Bahasa asing dipelajari adalah untuk tujuan tertentu sama ada tuntutan global mahupun diri sendiri. Bahasa asing bukan bahasa kedua, kerana bahasa kedua di Malaysia adalah bahasa Inggeris. Bahasa asing dalam kajian ini adalah bahasa Thai.

1.8 Kesimpulan

Di permulaan bab ini, pengkaji telah menjelaskan secara dasar mengenai tujuan perbandingan kata bilangan bahasa Melayu dan bahasa Thai dan seterusnya melihat tahap penguasaan kata bilangan dalam kalangan pelajar. Seterusnya, dalam bahagian ini juga turut membincangkan pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan diakhiri dengan sedikit keterangan akan definisi operasional yang berkaitan dengan kajian ini. Segala perbincangan yang terdapat dalam bab ini merupakan pengenalan serta gambaran awal kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

BIBLIOGRAFI

- Aini Haji Aziz. (2001). *Analisis Kontrastif Kata Bilangan Dan Penjodoh Bilangan Di Antara Bahasa Melayu Dan Bahasa Jepun*. (M.M.L.S), Universiti Malaya
- Alicio, Atilio V. (1996). *Contrastive Analysis And Error Analysis : The Verbal Systems Of Malay And Spanish*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir*. Edisi Kelima. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.
- , (1993). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bell, Roger T. (1981) *An Introduction to Applied Linguistics*. London: B.T. Batsford Ltd.
- Carl James. (1998). *Errors in Language Learning and Use*. England: Longman.
- Che Radiah Mezah. (2006). *Analisis Kesilapan Leksikal Dalam Karangan Bahasa Arab*. Tesis Doktor Falsah, Universiti Malaya.
- Chia, Teh Heng. (1999). *Ayat Tanya Dalam Bahasa Melayu Dan Bahasa Cina : Satu Analisis Kontrastif*. (M.M.L.S.), Universiti Malaya.
- Cinda Ngamsuti. (1988). *phasasat phasa Thai*. Bangkok, samnak phim odian saton.
- Corder S.P (1967). *The significance of learner's errors*. IRAL, 5:166:170.
- , (1974). Idiosyncratic dialects and error analysis. IRAL, 9:147-159. Reprinted in *Error Analysis: perspectives on second language acquisition edited by Richards, J.C. Singapore: Longman*.
- , (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. London: Oxford University Press.
- , (1991). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford: Oxford University Press.
- Dulay, H.C., Burt, M., Krashen, S. (1982), *Language Two*, New York: Oxford University Press
- Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Ekkachan Carumetichon. (1993). *Phasa Samrap Khru*. Bangkok. O. S Printing House.
- Essein, Udo Ekanem. (1978). *Contrastive Analysis: Principles and further Considerations*. Ann Arbor: University Microfilms International.
- Fisiak, J (ed.). (1992). *Contrastive Linguistics and Linguistic Teacher*. Oxford: University Press.

- Haded, Mohamed Said Salem. (1997). *Contrastive Analysis And Error Analysis : The Verbal Systems Of Arabic And English*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Harishon Radzi. (2007). Pembentukan Kata Bahasa Melayu: Bombastik atau Jati Diri. dalam Zahairani, *Pembentukan Kata Ganda Separa Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harmer, Jeremy, (1983). *The Practice of English Language Teaching*. London: Longman.
- Hazlina Abd Halim. (2008). *Pemerolehan Gender Gramatikal Bahasa Perancis di Kalangan Pelajar-Pelajar bahasa Asing*. Tesis Suajana, Universiti Malaya.
- Henry Guntur Tarigan. (1992). *Pengajaran Analisis Kontrastif Bahasa*. Bandung: ANGKASA
- Jackson, H. 1981. *Contrastive Analysis as a Predictor of Errors, with Reference to Punjabi Learners of English*", dalam J. Fisiak (ed.), pp. 195-205
- James, Carl. (1998). *Errors in Language Learning and Use*. Englan: Longman.
- John Lyons, Penterjemah Abdullah Hassan, Rogayah Abdul Razak dan Wan Zailena Mohd. Noordin. (1993). *Pengenalan Linguistik Teoretis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin Husin. (1986). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Subang Jaya: Sarjana.
- Kamchai Thonglo, (1988). *lak phasa Thai*. Bangkok: bamrung sat kan phim.
- Kamus Dewan Edisi (2008), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kancana Naksakun. (1982). *Rabob siang phasa Thai*. Bangkok, Chulalongkorn Universiti.
- Kari Sajavaara. (1992). Contrastive Linguistic Past and Present and a Communicative Approach dalam Fisiak, Jacek (ed). *Contrastive Linguistics And The Language Teachers*.ms33-56. Oxford: Permagamon Press.
- Kasper, G. & Kellerman, E. 1997. Introduction, in G. Kasper and E. Kellerman (Eds.), *Communication strategies: Psycholinguistic and sociolinguistic perspectives*. London: Addison Wesley Longman.
- Koh Boh Booh. (1981). *Pengajaran Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur : Utusan.
- . (1989). *Perspetif- Perspetif dalam Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lado, Robert. (1957). *Linguistics Across Cultures*. Ann Arbor : The University of Michigan Press.

- . (1964). *Language Teaching: A Scientific Approach*. New York: Mc Graw Hill.
- . (1968). *Contrastive Linguistics in a mentalistic theory of language learning*. En: J.E. Alatis (Ed.): *Contrastive Linguistics and its Pedagogical Implications*. Washington: Georgetown University Press.
- Lee, W.R. (1968). *Thoughts on Contrastive Linguistics in the context of language teaching*. En: J.E. Alatis (Ed.): *Contrastive Linguistics and its Pedagogical Implications*. Washington: Georgetown University Press.
- Lutfi Abas. (1997). *Tatabahasa Perbandingan Bahasa-bahasa Malaysia, Cina, Tamil, dan Inggeris (Buku Dua: Ayat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- . (1997). *Tatabahasa Perbandingan Bahasa-bahasa Malaysia, Cina, Tamil, dan Inggeris (Buku Satu: Predikat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia Skudai
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim et al. (1992). *Tatabahasa Dewan*. Jilid 1: *Ayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- . (1993). *Tatabahasa Dewan*. Jilid 2: *Perkataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- . (1996). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Noraini Ibrahim, Norsimah Mat awal. (2008). *Bahasa Inggeris Bahasa Kedua masalah dan Cabaran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norizan Che Su. (2003). *Bahasa Thai untuk Komunikasi*. Selangor: Citra Kurnia Enterprise.
- . (2006). *Belajar Menulis dan Membaca Bahasa Thai*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- et al. (2009). The Contrastive and Syntax Analyses in the Thai and Malay Languages: *The International Journal of The Humanities*. Volume 6, Issue 10.

- et al. (2009). *Problems in Learning the Thai Language as a Foreign Language: The International Journal of The Humanities*. Volume 6, Issue 12.
- Normaizam Hamid (2002). *Analisis kesilapan sintaksis dalam karangan di kalangan pelajar prauniversiti : Satu kajian kes 2002*, Universiti Malaya.
- Paitoon M. Chaiyanara. (1977). *Kata-kata Sanskrit dalam Bahasa Melayu dan Thai*. Prince of Songkla University: Pattani. Thailand.
- (1998). *Pengaruh Sistem Tulisan Dalam Penentuan Sebutan Baku Bagi Bahasa Melayu dan Thai: Satu Perbandingan Fonemik*. Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- (2002). *Tradisi dan Kesenambungan Perbendaharaan Kata dalam Bahasa Indonesia, Melayu dan Thai*. Prince of Songkla University and Department of Language and Literature, Ministry of Education, Malaysia.
- (2003). *Hambatan Struktur bahasa Ibunda dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Thai*. Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. Kuala Lumpur:
- (2005). *Analisis Segmental dalam Bahasa Thai: Satu Penerapan Teori Fonologi Autosegmen*. Persidangan Linguistik ASEAN III. 29-30 November 2005. Hotel Patra Jasa, Jakarta.
- Puteri Roslina (2004). *Bahasa Antara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Raminah Hj. Sabran, 1982. *Satu Analisis Kesilapan Nahu Penutur Jati Bahasa Melayu di Kalangan Guru Pelatih*, tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Richards, J. (1971). *Error Analysis and Second Language Strategies*. *Language Science*, 17, 12.22.
- Richards, J.C. (1974). *A Non-Contrastive Approach To Error Analysis dalam Richards, J.C. Error Analysis, Perspective On Second Language acquisitions*. ms172-187> London: Longman Group Limited
- Richards, J.C. (1994). *Error Analysis Perspectives on Second Language Learning*. London: Longman.
- Roshidah Hassan. (1997). *Analisis Kontrastif Kata Ganti nama Diri Bahasa Melayu Dan Bahasa Perancis*. (M.M.L.S), Universiti Malaya.
- Roswati Abdul Rashid. (2002). *Analisis Kesilapan Ayat-ayat Bersyarat Bahasa Jepun Di Kalangan Pelajar-pelajar Melayu*. Universiti Malaya.
- S. Nathesan (1994). *Perbandingan Kata Bilangan di antara bahasa Malaysia dan Bajau Darat dan Bajau Laut*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980

- Saussure, Ferdinand de. (1993). *Pengantar Linguistik Umum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sridhar, S.N. (1981) Contrastive Analysis, Error and Interlanguage-3 Phases of One Goal dalam Jacek Fisiak. *Contrastive Linguistics and The Language Teacher*. ms2017-241.Oxford: Peragamon Press Ltd.
- Sumalee Nimmanupap. (1995). *Kata Majmuk Dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai-Suatu Perbandingan Morfologi*. Tesis Doktor Falsafah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Supyan Hussin. (2000). *Pembangunan Perisian Pembelajaran Bahasa Berbantuan Komputer*. Dewan Bahasa, Kuala Lumpur: Jilid44 Bil. 3 Mac 2000
- Tan Poh Choon. (1991). Perbandingan Beberapa Aspek Kata Kerja “Pronominal” Bahasa Perancis (Lesverbes Pronominaux) dan Bahasa Melayu. *Bangi, 3L Journal UKM, Vol 2*.
- , (1998). *Pengajaran Bahasa Perancis Di UKM: Permasalahan Dan Penyelesaiannya*. *3L journal UKM, Bangi, Vol 4*.
- Tong Sem Ting. (1993). *Masalah Pelajar Melayu dalam Pembelajaran Bahasa Cina: Satu Kajian Permulaan*. *3L Journal UKM, Bangi, Vol 3*.
- Towell, R., Hawkins, R & Bazergui, N. (1996). The Development of Fluency in Advanced learner of French. *Applied Linguistics*. 17,84-119.
- Wardhaugh, Ronald. (1970). *The Contrastive Analysis Hypothesis*. *TESOL Quarterly* 4. 123-30
- Wanphen Siriraksasak. (1998). *Analisis Kontrastif Kata Depan Bahasa Melayu Dan Bahasa Thai*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Wilkins, D.A. 1989. *Linguistics in Language Teaching*. London: Arnold.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Norizan Che Su. (2004). *Peranan Media Dalam Meningkatkan Pembelajaran Dan Penguasaan Bahasa Thai Sebagai Bahasa Kedua*: FBMK,UPM
- , (2007). *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*:Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifley Hamid. (1999). *Jurnal Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Disember, hal. 919)
- Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh dan Rahim Aman. (2006). *Linguistik Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.